

UMP Colour Run Meriah



Kuantan, 20 September – Berwarna-warni dan cukup meriah. Bahang Expoconvo mulai dirasakan kini dengan penganjuran program UMP Colour Run yang disertai lebih 1200 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlari sekitar kampus sambil ditaburi dengan serbuk berwarna hijau, biru dan kuning bagi menceriakan acara.

Program yang mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor, Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan Pelajar.

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut dihadiri Penasihat Expoconvo 2015, Zahiruddin Mohd Zin dan Pengarah Expoconvo 15 UMP, Poh Yi Fei.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Rosli berkata, program adalah sebahagian daripada acara pra pelancaran pembukaan Karnival Expokonvo 2015 yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen ke-10 UMP yang bakal berlangsung 17 hingga 18 Oktober depan.



"Program ini juga merupakan amalan gaya hidup sihat yang dipupuk dalam kalangan mahasiswa untuk beriadah dan menyihatkan badan. Dengan bertemakan "Ceriakan Hidup Setempat" program pastinya dapat memperkasakan mahasiswa universiti dalam mengamalkan cara hidup sihat di samping memeriahkan acara sempena Majlis Konvoesyen nanti," katanya.

Ujar beliau, beberapa acara yang diadakan ini juga akan dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara mahasiswa dengan masyarakat sekitar.

Sementara itu, bagi Pengarah Expokonvo 15, Poh Yi Fei dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) berkata, program ini berjaya menarik ramai penyertaan mahasiswa untuk sama-sama bergembira meraikan rakan-rakan mahasiswa yang akan bergraduasi nanti.



Katanya, larian hari ini sungguh meriah kerana pertama kalinya diadakan di universiti ini. Selain bersenam acara ini dapat merapatkan hubungan baik antara mahasiswa serta merakamkan momen bersama rakan mahasiswa.

Bersempena Karnival Expokonvo juga akan berlangsungnya Karnival Mahabbah yang akan dimeriahkan dengan program memasak bubur Asyura, 30 minit bersama Ustaz Don, Semanis Kurma dan program bersama Ustaz Kazim Elias (UKE) yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Islam dan Pembangunan Insan. Turut diadakan nanti persembahan rentak lagu menggunakan cawan (cup song) yang bakal mencatatkan Malaysia Book of Record (MBR) bagi penyertaan seramai 1500 mahasiswa UMP.

Bagi Ketua Unit Publisiti dan Promosi, Jawatankuasa Expoconvo. Jasmine Ang Peisze dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan berkata pihaknya berpuashati dengan komitmen mahasiswa UMP yang dapat sama-sama hadir memeriahkan program. Hebahan dalam media sosial seperti facebook dan e-community banyak membantu pihaknya dalam menyebarkan maklumat kepada umum.



Beberapa acara akan terus diadakan menjelang majlis konvokesyen juga banyak program telah dijadualkan akan diadakan termasuk pameran akademik, inovasi, persembahan kebudayaan dan khidmat sosial serta gerai jualan. Antara yang diadakan adalah program *Floating Structure and Frisbee Competition* dan pertandingan mewarna kanak-kanak dengan kerjasama Petro Sains dan Utusan Malaysia.

Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat, PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 21-09-2015, 11:42:17